

27/01/2001

Pusat Asasi Sains: Kementerian akur nasihat Mahathir

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kementerian Pendidikan bersetuju menarik balik arahan menutup Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (UM), manakala pihak pengurusan universiti itu akur dengan keputusan berkenaan.

Ini berikutan nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam supaya pusat yang diwujudkan pada 1977 itu dan yang dijadual akan menghentikan operasinya April ini, terus dibuka.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, berkata kementerian yakin Dr Mahathir bijak menangani isu berkenaan dan sudah mengkaji daripada setiap segi sebelum membuat keputusan.

"Kementerian Pendidikan akan meminda keputusan awal jika cadangan orang ramai berasas dan memberi kebaikan kepada semua," katanya selepas majlis kesyukuran Aidilfitri dan pelancaran rasmi Persatuan Kebajikan Guru-Guru Bersara Negeri Perak Darul Ridzuan di Ipoh, semalam.

Bagaimanapun, Abdul Aziz menjelaskan cadangan menutup pusat itu sebelum ini dibuat kerana kementerianya sudah menubuhkan beberapa pusat matrikulasi sejak dua tahun lalu.

Katanya, pelajar matrikulasi itu diberi kelonggaran memilih mana-mana pusat pengajian diminati apabila mereka tamat menjalani kursus peringkat pra-universiti.

Pelajar Pusat Asasi Sains pula, katanya, hanya kekal di universiti berkenaan sehingga tamat pengajian dalam sesuatu bidang.

Oleh itu, katanya, kementerian berpendapat Pusat Asasi Sains itu wajar dimansuhkan dan semua pelajar baru akan dihantar hanya ke pusat matrikulasi.

Bagaimanapun, beliau berkata, kementerianya sentiasa menerima pandangan orang ramai dan sedia mengkaji sesuatu pelaksanaan jika ia menguntungkan negara serta masyarakat.

Abdul Aziz berkata, langkah meneruskan Pusat Asasi Sains itu akan memberi lebih banyak manfaat kepada pelajar Melayu sebagaimana yang dikehendaki orang ramai.

Sementara itu, Naib Canselor UM, Prof Datuk Dr Anuar Zaini Mohd Zain, berkata pihaknya akan berbincang dengan Kementerian Pendidikan supaya mengekalkan pusat asasi itu sebagai satu daripada lokasi bagi program matrikulasi kementerian.

Beliau berkata, UM mempunyai segala kemudahan bagi pengajaran dan pembelajaran program Asasi Sains yang bertujuan menyediakan pelajar Bumiputera lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebelum melanjutkan pelajaran pada peringkat ijazah dalam bidang sains di universiti itu.

Katanya, perbincangan dengan kementerian Isnin ini akan menentukan mekanisme kemasukan pelajar ke Pusat Asasi Sains itu, sama ada dikendalikan kementerian seperti sekarang atau UM boleh mengambil pelajar sendiri seperti sebelum ini.

"Pada masa ini, universiti hanya memantau baki pelajar yang masih ada dalam kampus seramai 196 orang," katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan wakil Pergerakan Pemuda Umno di pejabatnya di sini, hari ini.

Dr Anuar Zaini berkata, pada perbincangan itu, pihaknya juga akan membangkitkan soal peruntukan bagi menjalankan semula program berkenaan selain langkah menambah tempat penginapan bagi pelajar.

"UM juga akan berbincang dengan Kementerian Pendidikan bagi memastikan pelajar lepasan pusat matrikulasi kementerian itu dapat diambil untuk

memenuhi keperluan fakulti yang berasaskan sains dan teknologi pada sesi akan datang.

"Jumlah pelajar Bumiputera yang diperlukan di fakulti berasaskan sains dan teknologi di UM pada sesi hadapan ialah kira-kira 1,750 orang," katanya.

Terdahulu, beliau mengadakan perbincangan dengan wakil Pemuda Umno berhubung isu penutupan Pusat Asasi Sains itu. Pemuda Umno diketuai Pengerusi Biro Pendidikannya, Dr Adham Baba.

Sementara itu, Dr Adham menerima baik keputusan UM itu dan berharap ia menjadi titik permulaan bagi semua universiti untuk menghidupkan semula program matrikulasi di universiti masing-masing.

"Kita menerima jika program ini diselaras dan dikendalikan sepenuhnya Kementerian Pendidikan. Bagaimanapun, ia tidak seharusnya menyebabkan mana-mana pusat matrikulasi atau asasi sains ditutup.

"Sepatutnya program ini diperluaskan dengan membenarkan semua pusat sedia ada di universiti terus beroperasi," katanya.

(END)